

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** YB TUAN V. SIVAKUMAR  
[ BATU GAJAH ]  
**SOALAN :**

**YB Tuan V. Sivakumar [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada jumlah tenaga pakar dalam bidang radioterapi dan onkologi adalah mencukupi kerana sehingga 30 April 2014, terdapat 19 pegawai perubatan pakar dalam bidang tersebut di bawah Kementerian Kesihatan. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk mempertingkatkan lagi tahap rawatan kanser.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada masa ini, terdapat 29 orang Pakar Radioterapi & Onkologi yang ditempatkan di 6 buah hospital KKM. Kenyataan bahawa jumlah Pakar Radioterapi & Onkologi adalah seramai 19 orang adalah tidak tepat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Semua hospital utama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan perkhidmatan rawatan kanser, termasuk perkhidmatan kemoterapi.

Perkhidmatan onkologi yang diberikan kepada pesakit di hospital Kerajaan adalah disediakan secara bersepadu oleh pakar dalam pelbagai disiplin dan tidak semestinya oleh Pakar Perubatan Onkologi sahaja. Sebagai contoh, Pakar Ortopedik yang merawat pesakit kanser tulang dan Pakar Sakit Puan yang merawat kanser rahim boleh memberikan perkhidmatan onkologi. Begitu juga bagi pakar-pakar bagi disiplin lain seperti pakar dalam bidang mata, kulit dan sebagainya.

Perawatan penyakit kanser secara multidisiplin dilaksanakan oleh KKM melalui kerjasama antara disiplin subkepakaran. Contohnya, di antara Pakar Pembedahan Urologi bersama Pakar Perubatan Radioterapi & Onkologi dalam perancangan merawat kes kanser prostat yang memerlukan radioaktif *seed implant* semasa rawatan. Prosedur ini dijalankan oleh Institut Kanser Negara mulai tahun 2014.

Apabila seseorang itu disahkan menghidap penyakit kanser, ia boleh menjaskan kehidupan sehari-hari dan memberi kesan kepada kehidupan ahli keluarga dan waris mereka. Dengan ini perkhidmatan kaunseling diberikan kepada pesakit supaya mereka dapat menerima keadaan diri masing-masing, mengetahui status kesihatan, di samping membantu mereka memahami dan menghadapi penyakit kanser.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM101.1 juta bagi pengurusan dan rawatan pesakit kanser di mana RM76.1 juta bagi kegunaan ubat-ubatan, RM20 juta untuk bahan konsumabel dan ubat-ubatan manakala, RM5 juta digunakan untuk belanja mengurus.

Sebanyak RM2.55 juta pula dibelanjakan untuk perkhidmatan paliatif dan RM61 juta bagi perkhidmatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi yang merangkumi kos ubat-ubatan dan konsumabel untuk *acute pain services* bagi rawatan pesakit termasuklah pesakit kanser.

**Tuan Yang di-Pertua,**

KKM memang prihatin dan sentiasa berusaha serta mengambil pelbagai langkah untuk menambahkan lagi bilangan doktor pakar termasuklah dalam bidang penyakit kanser. Adalah amat sukar sesebuah negara menyediakan bilangan pakar yang mencukupi bagi memenuhi keperluan negara masing – masing.

Antara usaha Kerajaan bagi mengatasi kekurangan doktor pakar adalah menerusi:

- i. Pengambilan pakar warganegara asing secara kontrak.
- ii. Pelantikan semula pakar KKM yang telah bersara wajib secara kontrak.
- iii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sesional
- iv. Menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Selain itu, Kerajaan telah meningkatkan bilangan biasiswa Hadiyah Latihan Persekutuan yang ditawarkan kepada pegawai perubatan untuk mengikuti latihan dalam bidang kepakaran di university tempatan, iaitu daripada 450 bilangan biasiswa pada sekitar tahun 2002 kepada 600 biasiswa pada tahun 2008, seterusnya kepada 800 biasiswa pada tahun 2010 dan ditingkatkan kepada 1,000 biasiswa mulai tahun 2013.

Di samping itu, Kerajaan juga meningkatkan peluang mengikuti latihan kepakaran, dengan melalui program komplimentari, iaitu *Membership Programme* yang merupakan program latihan kepakaran luar negara tetapi latihan dan peperiksaan boleh diikuti sama ada sebahagiannya atau keseluruhannya dalam negara.

Kerajaan juga menyediakan peluang untuk Pegawai Perubatan mengikuti latihan di luar negara. Manakala bagi latihan subkepakaran, bilangan biasiswa yang disediakan juga telah meningkat daripada 35 biasiswa pada tahun 2002 kepada 150 semenjak tahun 2011.